

UMS anjur

pertandingan

'Running

Students' 16

November ini

uB 16.11.2013 A9

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan mengadakan pertandingan ‘Running-Students’ pada 16 November, jam 8 pagi di Stadium Sukan, UMS.

Pertandingan sehari itu terbuka kepada pelajar-pelajar UMS, dan penganjur yang terdiri daripada kumpulan pelajar Kursus Pengurusan Operasi Pelajar (POP) menjangkakan penglibatan lebih 50 pelajar akan memeriahkan pertandingan ini.

Menurut Ketua Pengarah POP, Asdanie, pertandingan itu diadakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar tentang asas penjagaan, pemulihian dan pemeliharaan alam sekitar serta cara penggunaan semula barang-barang yang terpakai untuk dijadikan satu inovasi atau bahan rekaan yang baharu.

Katanya para pelajar UMS akan didedahkan dengan pelbagai disiplin ilmu seperti pengurusan bahan buangan dan bidang ciptaan inovasi baharu bersumberkan bahan terpakai melalui pertandingan sedemikian.

“Kami yakin pertandingan berbentuk pendidikan seperti ini mampu memberi perubahan cara pemikiran kepada para pelajar universiti terutama siswa-siswi UMS sendiri, sekali gus menjadikan para pelajar universiti ini sebagai seorang individu yang cintakan alam semulajadi, seiring dengan hasrat universiti ke arah membudayakan konsep Ecocampus,” katanya.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan penyertaan para warga UMS untuk memeriahkan lagi pertandingan itu. Sebarang maklumat lanjut berkenaan pertandingan itu boleh menghubungi beliau di talian 014-5837027.